

**SOALAN NO. 93**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATUK HAJAH NORAH BINTI ABD RAHMAN**

**TARIKH : 11 JUN 2014 ( RABU )**

**SOALAN :**

**Datuk Hajah Norah binti Abd Rahman [ Tanjung Manis ] minta**

**MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN**

**MASYARAKAT menyatakan sejauh mana pencapaian dasar sekurang-**

**kurangnya 30 peratus wanita di peringkat pembuat keputusan dalam**

**sektor korporat telah dicapai.**

**JAWAPAN :**

Tuan Yang Dipertua,

Dasar Sekurang-kurangnya 30 Peratus Wanita Di Peringkat Pembuat Keputusan Dalam Sektor Korporat yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri pada 27 Jun 2011 merupakan satu langkah oleh kerajaan yang diyakini dapat meningkatkan bilangan wanita di peringkat pembuat keputusan dalam sektor korporat.

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) menggariskan penglibatan wanita sebagai ahli lembaga pengarah (ALP) syarikat sebagai salah satu indikator penglibatan wanita di peringkat pembuat keputusan. Berdasarkan data daripada Suruhanjaya Syarikat Malaysia, pada 30 Mac 2014, sebanyak 21 peratus iaitu 5,989 orang daripada keseluruhan ahli lembaga pengarah yang berjumlah 28,561 orang di syarikat awam (*Public Companies*) adalah wanita.

(Syarikat awam merangkumi syarikat tersenarai awam (*Public Listed Companies*) dan syarikat tidak tersenarai awam (*Non-Public Listed Companies*))

KPWKM terus mengambil pelbagai langkah untuk memastikan kumpulan wanita yang kompeten dapat diketengahkan sebagai ahli lembaga pengarah. Program Pengarah Wanita atau *Women Directors' Programme* telah dilaksanakan oleh *NAM Institute for the Empowerment of Women (NIEW)*, agensi di bawah KPWKM sejak tahun 2012.

Dari tahun 2012 hingga Mei 2014, seramai 771 calon pengarah wanita telah dilatih dalam program tersebut. Bagi tempoh Januari 2013 hingga Mei 2014, jumlah penempatan ahli lembaga pengarah wanita di syarikat tersenarai awam adalah 128.

KPWKM telah melaksanakan program-program khas bagi mempromosikan Program Pengarah Wanita serta calon pengarah wanita seperti:

- (i) *Women Directors' Mini Lab;*
- (ii) *Breakfast Talk on Women Directors' Programme;*
- (iii) *Roadshow on Women Directors' Programme;*
- (iv) *Women Directors' Convention* dan *Chairman Power Breakfast;*

- (v) *Women Directors' Dialogue*; dan
- (vi) *Women Directors' Training Programme Initiative 1/2014.*

KPWKM juga meneruskan kerjasama dengan badan-badan lain seperti Bursa Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti, Suruhanjaya Syarikat Malaysia dan *Talent Corporation Malaysia Berhad* untuk memastikan kejayaan pelaksanaan Dasar Sekurang-kurangnya 30 Peratus Wanita Di Peringkat Pembuat Keputusan Dalam Sektor Korporat.